



Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil N27 Rantau

23 April 2019

Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil N27 Rantau

1. Pengenalan

Pilihan Raya Kecil (PRK) N27 Rantau dijalankan selepas mahkamah pilihan raya memutuskan kemenangan Mohamad Hasan pada pilihan raya umum ke-14 lalu adalah tidak sah dan kerusi DUN Rantau dikosongkan pada 18 Februari 2019. Hari penamaan calon PRK Rantau telah ditetapkan pada 30 Mac 2019 dan hari mengundi ditetapkan pada 13 April 2019.

Terdapat 4 calon yang bertanding dalam PRK ini, iaitu calon Barisan Nasional (BN) Mohamad Hasan, calon Pakatan Harapan (PH) Dr. S. Streram dan dua calon bebas, R. Malarvizhi dan Mohd Nor Yassin.

BERSIH 2.0 telah menghantar 10 pemerhati pilihan raya yang terdiri daripada urusetia dan sukarelawan BERSIH 2.0 untuk menjalankan pemerhatian dalam PRK tersebut.

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian bagi

- 1) Penamaan calon
- 2) Kempen pilihan raya
- 3) Pengundian awal
- 4) Pengundian dan pengiraan undi biasa
- 5) Penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi

BERSIH 2.0 memberi fokus kepada pemantauan salah laku dan kesalahan pilihan raya sepanjang tempoh PRK termasuk sebelum hari penamaan calon, hari penamaan calon, sepanjang tempoh berkempen dan hari mengundi.

Kami telah mencatatkan 36 kes salah laku dan kesalahan pilihan raya yang bertentangan dengan prinsip pilihan raya bersih dan adil berdasarkan pemerhatian kami.

Pecahan kes mengikut kategori dan parti politik adalah seperti berikut:

Kategori salah laku dan kesalahan pilihan raya	PH	BN	Lain-lain	Jumlah kes mengikut kategori
Salah guna sumber kerajaan	2	-	-	2
Pemberian hadiah atau penjamuan makanan	5	2	-	7
Keganasan, intimidasi dan gangguan	-	1	-	1
Mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara kaum dan agama	-	-	1	1
Salah laku pada hari mengundi				
- Pondok panas/Berkempen	10	10	-	25
- Tidak memelihara kerahsiaan pilihan raya	-	1	-	
- Menentukan identiti pengundi	1	1	-	
- Pemberian hadiah	1	1	-	
Jumlah kes mengikut parti	19	16	1	36

2. Penamaan calon

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian pada hari penamaan calon di Dewan SJK(C) Bandar Sri Sendayan. Secara keseluruhan, proses penamaan calon dijalankan dengan lancar. Walaupun berlakunya provokasi antara penyokong-penyokong parti di luar pusat mengundi, tindakan pengasingan yang diambil oleh pihak polis amat memuaskan.

3. Kempen pilihan raya

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian terhadap aktiviti-aktiviti kempen pilihan raya dan mendokumentasikan salah laku dan kesalahan pilihan raya yang dilakukan sebelum, semasa dan selepas tempoh berkempen.

3.1 Salahguna sumber kerajaan

BERSIH 2.0 telah mencatat 2 kes berkenaan dengan pengaruh tidak wajar sepanjang tempoh pilihan raya kecil.

1. Pada 3 April 2019, Exco Kerajaan Negeri Sembilan Ismail Ahmad menjalankan lawatan rasmi ke Bengkel Seri Sembilan, sebuah pusat orang kurang upaya (OKU) bersama calon PH Dr. Streram. Ismail berkempen untuk Dr. Streram dan berjanji untuk menyelesaikan masalah bengkel tersebut.¹ Hal ini merupakan pengaruh tidak wajar oleh kerajaan negeri.
2. Pada 7 April 2019, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin telah menziarahi Rumah Orang Tua Chok Lam dan mencadangkan 2 kaedah untuk menyelesaikan masalah hak milik tanah rumah orang tua tersebut, iaitu berunding dengan tuan tanah, Sime Darby supaya rumah orang tua dapat membeli tanah tersebut, ataupun merujuk kepada kerajaan Negeri Sembilan untuk mendapatkan tanah tersebut secara percuma. Beliau berjanji akan berbincang dengan Exco Negeri Sembilan Nicole Tan Lee Koon tentang hal tanah tersebut dan menyeru warga emas di sana untuk mengundi PH. Perbuatan tersebut merupakan pengaruh yang tidak wajar oleh kerajaan.

3.2 Pemberian hadiah atau penjamuan makanan

BERSIH 2.0 telah mencatatkan 7 kes berkenaan dengan pemberian hadiah atau penjamuan makanan sepanjang tempoh berkempen.

1. Pada 29 Mac 2019, ahli parlimen Miri Dr. Michael Teo Yu Keng telah memberi sumbangan peribadi berbentuk kupon program makanan percuma bernilai RM75,000 kepada murid kurang berkemampuan dari lima buah sekolah di sekitar Rantau.² Menurut Dr. Michael Teo, beliau menjalankan program bantuan kupon makanan percuma ini di Rantau atas permintaan Dr. S. Streram. Pemberian kupon tersebut sebelum pilihan raya dengan tujuan mempengaruhi seseorang secara rasuah untuk mengundi pada pilihan raya merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.
2. Pada 2 April 2019, penduduk Taman Sri Ramai dengan bantuan pemimpin cabang PKR telah menyediakan jamuan di Majlis Perjumpaan Bersama Masyarakat India Kuala Sawah di Taman Sri Ramai, Rantau. Penduduk yang hadir dijamu nasi lemak dan roti canai. Ahli parlimen Port Dickson Anwar Ibrahim dan calon PH Dr. Streram telah hadir berkempen di majlis tersebut.³ Mengikut seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya, penjamuan makanan dalam aktiviti berkempen merupakan satu kesalahan.

¹ Sin Chew Daily, "替史德蓝拜票访残障中心·依斯迈疑违反选举法", 3 April 2019:

https://www.sinchew.com.my/content/2019-04/03/content_2032340.html

² Malaysiakini, "MP Miri sumbang makanan percuma RM75,000 kepada lima sekolah di Rantau", 29 Mac 2019:

<https://www.malaysiakini.com/news/470024>

³ Free Malaysia Today, "Tanya NGO kenapa beri makan kepada pengundi, kata Anwar", 3 April 2019:

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/04/03/tanya-ngo-kenapa-beri-makan-kepada-pengundi-kata-anwar/>

3. Pada 7 April 2019, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin mengagihkan makanan seperti roti dan minuman kepada warga emas ketika menziarahi Rumah Orang Tua Chok Lam. Pada masa yang sama, Zuraida menyeru warga emas di sana supaya mengundi PH dalam PRK Rantau. Perbuatan memberi makanan semasa berkempen tersebut telah melanggar Seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.
4. Pada 7 April 2019, PH telah mengadakan Karnival Sendayanku di Bandar Sri Sendayan. Perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan bekam percuma disediakan kepada orang ramai di karnival tersebut. Pemberian perkhidmatan percuma dengan tujuan berkempen telah melanggar seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.



Gambar: Perkhidmatan bekam dan pemeriksaan kesihatan percuma di Karnival Sendayanku

5. Pada 7 April 2019, dalam Majlis Santai Bersama Warga Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Persatuan Masjid dan Ketua Kampung di Dewan Orang Ramai Rantau, makanan tengah hari telah dihidangkan. Calon PH Dr. Streram dan ahli parlimen Port Dickson Anwar Ibrahim hadir berkempen di majlis tersebut. Tiada sesiapa dibenarkan untuk mengadakan penjamuan untuk mempengaruhi pengundi secara rasuah dan ia merupakan pelanggaran seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.



Gambar: Post laman Facebook Keadilan DUN Rantau yang menunjukkan aktiviti penjamuan di Dewan Orang Ramai Rantau

6. Pada 1 April 2019, bekas Ketua Menteri Melaka Idris Haron berjanji akan menghadiahkan dua ekor kambing untuk dibuat kenduri jika BN menang 300 undi di daerah mengundi Taman Angsamam ketika berucap di satu ceramah di sana. Pemberian tawaran dengan tujuan mempengaruhi pengundian secara rasuah tersebut merupakan satu kesalahan pilihan raya di bawah seksyen 10(c) Akta Kesalahan Pilihan Raya.
7. Pada 6 April 2019, makanan malam percuma telah dihidang di Program Ramah Mesra Sahabat dan Rakan-rakan Se-Rantau yang dianjurkan oleh See Fook Wah, Pengerusi Jawatankuasa Tokong Chok Lam Kun Yam di Dewan Tokong Chok Lam Kun Yam. Majlis tersebut dihadiri oleh seribu orang penduduk Rantau. Presiden MCA merangkap ahli parlimen Ayer Itam Wee Ka Siong, ahli parlimen Rembau Khairy Jamaluddin dan pemimpin-pemimpin MCA seperti Ti Lian Ker, Heng Seai Kie dan Siow Koi Voon juga hadir

dan berkempen untuk calon BN di majlis tersebut.⁴ Penganjur majlis tersebut telah melakukan kesalahan kerana penjamuan makanan dalam kempen pilihan raya merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya

3.3 Keganasan, intimidasi dan gangguan

BERSIH 2.0 telah mencatat 1 isu berkenaan dengan perbuatan keganasan, intimidasi dan gangguan dalam tempoh pilihan raya.

1. Pada 6 April 2019, seorang warga emas yang memakai baju Harapan dilaporkan dipaksa oleh Timbalan Presiden MIC M Saravanan untuk menukar baju Harapan kepada baju Bossku di sebuah ceramah anjuran MIC. Video warga emas tersebut menyalin baju telah ditularkan di media sosial.⁵ Perbuatan tersebut merupakan suatu perbuatan intimidasi terhadap pengundi semasa tempoh pilihan raya.

3.4 Mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara kaum dan agama

BERSIH 2.0 telah mencatatkan 1 kes berkenaan dengan perbuatan yang mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara kaum dan agama yang melanggar seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihan Raya.

1. Pada 6 April 2019, kain rentang yang mengandungi gambar calon PH Dr. Streram dan tulisan “jan undi keling” dan “kito ganyang samo dio” telah didapati di tiga tempat sekitar Rantau. Hal ini merupakan kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara kaum dan agama yang melanggar seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihan Raya.

4. Pengundian awal

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian bagi pengundian awal pada 9 Februari 2019 di Pangkalan Udara Sendayan dan Balai Polis Rantau.

Di Pangkalan Udara Sendayan, pita kuning telah digunakan untuk mengasingkan wartawan dan jurugambar di luar tempat mengundi. Kaedah ini efektif untuk mengawal aliran pengundi ke dalam tempat mengundi tanpa gangguan.

Secara keseluruhan, pengundian awal dijalankan dengan lancar dan baik di kedua-dua pusat pengundi awal.

⁴ Nanyang Siang Pau, "恐违反选举法 莫哈末哈山缺席千人宴", 7 April 2019:

<http://www.enanyang.my/?p=1209103>

⁵ Malaysiakini, "Warga emas didakwa dipaksa tukar baju Harapan ke Bossku", 6 April 2019:

<https://www.malaysiakini.com/news/471146>

5. Pengundian dan pengiraan undi biasa

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian di 11 pusat mengundi pada hari mengundi, iaitu:

1. SMK Bandar Baru Sri Sendayan
2. SJK(T) Bandar Sri Sendayan
3. SK Mambau
4. Balai Raya Kampung Bemban Seremban
5. SK Nyatoh
6. Dewan Orang Ramai Taman Kelab Tuanku Mambau
7. SK Sega
8. SJK(C) Chung Hua Rantau
9. SK Seliau
10. SJK(T) Rantau
11. SK Dato' Akhir Zaman

5.1 Ketidakpatuhan peraturan pilihan raya

5.1.1 'Pondok panas' dan berkempen di luar pusat mengundi

BERSIH 2.0 mendapati barung semakan daftar pemilih atau lebih dikenali sebagai 'pondok panas' BN dan PH diwujudkan di luar kesemua pusat mengundi yang diliputi oleh pemerhati kami. Penyokong parti BN dan PH juga didapati berkempen di kesemua pusat mengundi dengan mengibarkan bendera parti dan memegang poster calon. Terdapat juga penyokong parti BN yang berkempen dalam sempadan 50 meter dari pusat mengundi, seperti di SK Segga dan SK Seliau. Perbuatan berkempen dan mendirikan 'pondok panas' tersebut telah melanggar seksyen 26(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya.



Gambar: (Kiri) Penyokong BN berkempen dalam sempadan 50 meter dari SK Seliau.
(Kanan) Penyokong BN berkempen dalam sempadan 50 meter dari SK Segga.

5.1.2 Perbelanjaan untuk mengangkut pengundi

Pemerhati BERSIH 2.0 mendapati PH dan BN telah menyediakan kenderaan untuk membawa pengundi ke dan dari sesetengah pusat mengundi seperti SK Seliau, SK Mambau dan SK Sega. Hal ini menimbulkan persoalan bahawa perbelanjaan untuk kenderaan tersebut telah melanggar seksyen 20(i) Akta Kesalahan Pilihan Raya. Kenderaan-kenderaan yang mempunyai pelekat atau bendera parti juga singgah di kawasan 50 meter daripada pusat mengundi yang jelasnya melanggar seksyen 26(1)(g) Akta Kesalahan Pilihan Raya.



Gambar: Kenderaan BN dan PH yang membawa pengundi ke pusat mengundi SK Seliau.

5.1.3 Perbuatan tidak memelihara kerahsiaan pilihan raya

Ketika calon BN Mohamed Hasan mengundi di pusat mengundi SJK(C) Chung Hua Rantau, beliau menunjukkan kertas undi yang telah ditandanya kepada media sebelum memasukkan ke dalam peti undi. Perbuatan tersebut telah melanggar seksyen 5 Akta Kesalahan Pilihan Raya yang berkenaan dengan pemeliharaan kerahsiaan pilihan raya.

5.1.4 Perbuatan menentukan identiti pengundi

Penyokong PH dan BN didapati mengambil maklumat pengundi seperti nama, nombor IC, nombor saluran dan nombor bilangan dalam kawasan 50 meter daripada SK Nyatoh.

5.1.5 Pemberian hadiah kepada pengundi

PH didapati memberi t-shirt percuma di luar pusat mengundi SK Nyatoh dan BN didapati memberi payung percuma kepada pengundi di luar pusat mengundi SK Sega. Pemberian

untuk mempengaruhi pengundi pada hari mengundi tersebut merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.



Gambar: (Kiri) Pemberian t-shirt di 'pondok panas' PH di luar SK Nyatoh.
(Kanan) Pemberian payung oleh BN di luar SK Sega.

5.2 Kemudahan di pusat mengundi

Ramp yang disediakan di saluran 1, SK Sega tidak lebar dan menyukarkan petugas SPR ketika membawa pengundi wheelchair. Namun telah diatasi dengan meletakkan dua ramp di pintu saluran 1.



Gambar: Ramp yang disediakan di saluran 1, SK Sega.

5.3 Isu petugas pusat mengundi

Masih terdapat percanggahan mengenai prosedur pengundian dalam kalangan petugas dan pegawai SPR. Menurut pegawai SPR di SK Nyatoh dan SK Seliau dengan merujuk kepada buku kerjanya, Kerani Pengundian 1 membaca nama pengundi dan Kerani Pengundian 2 mencelup jari pengundi secara serentak, manakala mengikut taklimat yang diberi oleh SPR, Kerani Pengundian 2 mencelup jari pengundi selepas Kerani Pengundian 1 habis membaca nama pengundi.

6. Penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian terhadap proses penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi di Dewan SJK(C) Bandar Sri Sendayan. Proses penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi dijalankan dengan lancar dan teratur.

7. Kesimpulan

Secara keseluruhan, PRK Rantau dijalankan dengan lancar dan teratur oleh SPR. Walaupun demikian, ketidakpatuhan undang-undang pilihan raya oleh parti politik masih berleluasa, terutamanya penjamuan dalam kempen pilihan raya dan berkempen pada hari mengundi.

Untuk mengatasi masalah tersebut, penyelarasan antara pasukan penguatkuasa kempen pilihan raya (PPKPR) dan pihak polis harus dijelaskan supaya penguatkuasaan undang-undang pilihan raya dijalankan dengan berkesan.